

3) PEMBANGUNAN TANAH OC 8 BATU ARANG

Adun : Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (N14 Rawang)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2024)

Sub soalan :

a) Nyatakan status kini berkenaan pembangunan tanah Kampung Melayu OC 8 oleh LPHS kepada pemilik tanah Kampung Melayu OC 8 Batu Arang.

Pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menerima surat maklum balas daripada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Gombak bertarikh 22 Julai 2024 berkenaan data / maklumat berkenaan hakmilik persendirian, nombor lot, keluasan serta status terkini berkaitan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi tujuan Projek *East Coast Rail Link* (ECRL) yang melibatkan kawasan Perkampungan Melayu OC 8 dan kawasan yang terlibat dengan talian rentis TNB.

Walau bagaimanapun, setelah meneliti dan membuat perbincangan berkenaan perincian data / maklumat yang diterima, LPHS **TIDAK BERHASRAT** untuk meneruskan permohonan pemberimilikan tanah berkenaan. Hal ini adalah disebabkan oleh baki keseluruhan pecahan plot yang diterima adalah sukar untuk disediakan pelan susunatur dan dikhuatiri terdapat bebanan yang terpaksa ditanggung serta kos-kos diluar jangka yang tinggi akan diperolehi kelak.

Berdasarkan lawatan tapak yang telah dijalankan ke atas tanah tersebut, mendapati tanah tersebut masih diliputi dengan tanaman kelapa sawit dan tiada kemudahan infrastruktur yang teratur seperti jalan keluar masuk serta lain-lain kemudahan.

Oleh itu, pentadbiran ini telah memberi surat maklum balas kepada PDT Gombak bertarikh 28 Ogos 2024 berkenaan keputusan yang telah diambil oleh pentadbiran ini berikutan kesukaran dalam menyediakan pembangunan yang mampan serta peningkatan kos yang sangat tinggi akan memberi kesan dari segi kebolehlaksanaan projek pembangunan ini dan seterusnya akan menjadikan projek tersebut tidak berdaya maju untuk dibangunkan.